

**Nazifuddin Najib Berusaha Kuasai Eastland
Bernama
9 July, 2013**

KUALA LUMPUR, 9 Julai (Bernama) -- Mohd Nazifuddin Najib dilihat menyertai satu kumpulan untuk mengetepikan satu kumpulan yang diketuai ahli perniagaan Teh Soon Seng, bagi menguasai Eastland Equity Bhd, demikian menurut sumber korporat

Mereka berkata bahawa dua kumpulan dijangka bersaing sengit untuk menguasai Eastland Equity, yang memiliki aset penting Renaissance Kota Bharu, yang merupakan satu-satunya hotel lima bintang di Kota Baru, Kelantan.

Eastland turut terlibat di dalam projek Bandar Tasek Raja bernilai RM200 juta di Pasir Mas, Kelantan.

Eastland Equity, yang dahulunya dikenali sebagai Furqan Business Organisation Bhd, secara prinsipalnya terlibat dalam pegangan pelaburan.

Bahagian operasi syarikat itu termasuk pegangan pelaburan, pajakan dan kewangan, hospitaliti, pelaburan hartanah dan pembangunan hartanah.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=961993>